

lokal

Kuala Terengganu: Seorang wanita terpaksa membatalkan percutian ke Hatyai, Thailand apabila persediaan untuk melancong ke negara berkenaan termasuk wang tunai RM5,000 hangus dalam kebakaran di Kampung Paloh Sungai Kiat, di sini, semalam.

Selain wang tunai, barangan kemas, pakaian, pelbagai dokumen, peralatan elektrik dan perabot turut musnah dalam kebakaran yang mengakibatkan kerugian lebih RM200,000.

Selain itu, mangsa, Sa'diah Abd Rashid, 58, yang juga kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) turut cedera akibat bahang dipercayai ketika cuba memadamkan api yang membakar sebahagian bilik tidur di bahagian atas rumah setingkat didudukinya bersama kakak, Rosnani, 64.

Menurut Sa'diah, dia sedang bersiap ke tempat kerja sebelum terdengar bunyi letupan kecil.

"Saya terkejut melihat api membakar lantai bilik tidur lalu segera ke bilik air mengambil baldi air untuk memadamkan api, tetapi gagal apabila ia semakin marak.

"Keadaan itu menyebabkan saya panik sebelum menjerit mengharapkan kakak yang berada di bawah mendengar jeritan saya.

"Api merebak terlalu pantas menyebabkan kami tidak sempat menyelamatkan semua barangan termasuk beg berisi barang kemas dan



Batal bercuti rumah dijilat api

ANGGOTA bomba memadamkan kebakaran di rumah Sa'diah di Kampung Paloh Sungai Kiat, semalam.



API marak mengakibatkan bahagian atas rumah Sa'diah musnah.

wang tunai RM5,000 yang dikeluarkan dari bank untuk percutian ke Hatyai akhir bulan ini," katanya.

Rosnani berkata, dia yang mendengar jeritan adiknya

segera ke tingkat atas untuk membuat pemeriksaan dan terkejut melihat api marak.

"Saya segera keluar bersama adik untuk menyelamatkan diri," katanya yang juga

pesara jabatan kerajaan.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Terengganu, Timbalan Penguasa Bomba Rozidah Abni Hajar berkata, pihaknya menerima panggilan kebakaran jam 7.50 pagi dan tiba di lokasi tujuh minit kemudian.

"Seramai 33 anggota dan pegawai dari BBP Kuala Terengganu dan Jalan Kota dikejarkan ke lokasi kejadian.

"Sebaik tiba, bahagian atas rumah diperbuat daripada kayu terbakar hampir 100 peratus sebelum usaha memadamkan api segera dijalankan.

"Api dipadamkan sepenuhnya dalam masa 15 minit dan jumlah kerugian serta kerugian ditanggung mangsa masih dalam siasatan," katanya.



AHLI keluarga mengangkat jenazah Muhammad Anas.

Selipar terapung dalam air

Budak 3 tahun maut terjatuh dalam lubang kumbahan ketika bermain bersama adik-beradik lain

Budak 3 tahun digigit biawak terima 30 jahitan

Kuantan: "Aliq (Faliq Iman) tak suka biawak. biawak jahat." Itu ayat yang sering keluar dari mulut Faliq Iman Mohd Fadhirul Izwan, 3, selepas insiden kanak-kanak itu diserang biawak di sebuah chalet di Kampung Salang, Pulau Tioman, kelmarin.


Bapa mangsa, Mohd Fadhirul Izwan Mat Saridan, 34, berkata, emosi anak tunggalnya itu dilihat sedikit terganggu dan sering mengelak untuk bercerita mengenai kejadian berkenaan.

Katanya, selepas dirujuk ke hospital swasta di bandar ini, Faliq Iman menjalani pembedahan kecil dan menerima 30 jahitan pada kakinya.

"Doktor memaklumkan ada jangkitan kuman pada kesan gigitan itu namun ia sudah dicuci dan Faliq diberi antibiotik bagi mengelak kuman merebak.

"Doktor akan memantau keadaannya dalam tempoh dua (atau) tiga hari ini. Jika tiada apa-apa mungkin dia dibenarkan pulang," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Fadhirul Izwan berharap pihak



KEADAAN kaki Faliq Iman yang cedera digigit biawak di sebuah chalet di Pulau Tioman.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) mengambil tindakan sewajarnya bagi mengelak kejadian itu berulang.

Dalam kejadian jam 12 te-

ngah hari itu, Faliq Iman cedera di kaki kanannya selepas digigit reptilia itu ketika berada di bawah kaunter pendaftaran chalet berkenaan.

Bapa mangsa yang mendengar tangisan memijak-bia-

"Saya difahamkan biawak sebelum ini masuk dalam chalet itu untuk mencari anak kucing"

Rozidan

wak itu sebanyak dua kali sebelum reptilia itu melepaskan gigitannya.

Sementara itu, Pengarah Perhilitan Pahang, Rozidan Md. Yasin berkata, biawak tidak menganggap kanak-kanak lelaki itu sebagai makanannya sebaliknya merasakan dia sebagai ancaman atau halangan kepada reptilia itu.

"Saya difahamkan biawak sebelum ini masuk dalam chalet itu untuk mencari anak kucing, mungkin reptilia itu berasakan mangsa sebagai halangan sebelum mengigitnya.

"Kami akan lebih kerap melakukan operasi atau kawalan populasi reptilia itu di pulau peranginan berkenaan bagi mengelak kejadian itu berulang," katanya.

